

Pembangking Jaminan Pertahan Penjawat Awam
New Straits Times
November 09, 2011
Oleh ARIFFUDDIN ISHAK

KUALA LUMPUR: Pembangking memberi jaminan kedudukan 1.2 juta pegawai dan kakitangan awam tidak akan terjejas sekiranya Pakatan Rakyat memerintah negara.

Jaminan berkenaan bertentangan dengan pendirian DAP iaitu rakan sekutu pembangking dalam Pakatan Rakyat bahawa parti itu berhasrat mengurangkan bilangan penjawat awam apabila pembangking memerintahkerajaan Pusat.

Naib Presiden PAS, Salahuddin Ayub berkata, selain jaminan berkenaan, pembangking turut berikrar untuk memperkasakan sistem perkhidmatan awam selaras seperti yang terkandung dalam bajet bayangan PakatanRakyat 2012 yang mengiktiraf peranan utama pegawai dan kakitangan awam dalam merealisasikan dasar-dasar kerajaan.

"Pada masa yang sama Pakatan Rakyat menegaskan bahawa pejawat awam mestilah melaksanakan tanggungjawab berdasarkan standard yang diaspirasikan oleh rakyat Malaysia yakni mereka perlu bertugas denganpenuh gigih serta berkualiti tinggi.

"Mereka juga perlu membantu melaksanakan dasar-dasar dengan penuh iltizam serta mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh peraturan kakitangan perkhidmatan awam," katanya di lobi Parlimen di sini, Rabu.

Baru-baru ini Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua membuat kenyataan seperti yang disiarkan akhbar berbahasa Cina menyebut bahawa parti itu akan mengurangkan kakitangan awam sekiranya dipilih memerintah negara.

Kenyataan tersebut mendapat reaksi daripada pelbagai pihak yang menyifatkan ia mengukuhkan dakwaan bahawa parti itu tidak selesa dengan penguasaan orang Melayu dalam sesuatu bidang.

Dalam pada itu Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Kubang Kerian menyifatkan media sengaja memutarbelitkan fakta berkaitan kenyataan Pua bagi menimbulkan kemarahan rakyat terhadap parti itu.

"Ini semua untuk menakutkan mereka (kakitangan awam). Ia adalah fitnah terhadap Pakatan Rakyat," katanya.

Copyright © 2011 The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.

Source: <http://www.nst.com.my/local/politics/kedah-umno-all-set-for-relief-work-1.2916>